




Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

TINJAUAN KESTABILAN PASARAN MODAL 2024

TINJAUAN KESTABILAN PASARAN MODAL 2024



Memelihara Warisan Orang Asli oleh Puteh dan Asikin Roslan

Reka bentuk batik menghormati warisan budaya Malaysia melalui gabungan seni tekstil tradisional dan kontemporari. Diinspirasi daripada corak tenunan Mah Meri 'Bunga Moyang', reka bentuknya menggabungkan motif seperti paku pakis (pakis) dan kha (ikan), melambangkan kekuatan, ketabahan dan pertumbuhan. Reka bentuk ini mempamerkan ketukangan yang rumit dengan palet warna biru dan hijau yang mewakili ketenangan dan kebijaksanaan. Projek ini mengekalkan dan menyesuaikan kesenian Mah Meri untuk tujuan fungsian dan hiasan.

Reka bentuk ini telah diserahkan untuk Pameran Batik Lestari 2024.

© SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 2025

3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel +603 6204 8000
Faks +603 6201 5078
Emel cau@seccom.com.my
Laman web www.sc.com.my | www.investsmartsc.my

       @SecComMalaysia

PRAKATA	5
SOROTAN UTAMA	6
PANDANGAN RISIKO	9
PENILAIAN RISIKO TERHADAP KOMPONEN PASARAN MODAL	15
Pasaran Ekuiti	16
Pasaran Derivatif	24
Pasaran Bon	29
Pengurusan Pelaburan	34
Aset Digital	37
UJIAN TEKATAN KE ATAS DANA	43
Latar Belakang	44
Penilaian Risiko Kecairan dalam Dana Pelaburan	45
Senario dan Metodologi	45
Dana Pelaburan Tertakluk kepada Ujian Tekanan	47
Keputusan Ujian Tekanan	51
Potensi Penularan Risiko	51
Kesimpulan	51
TINJAUAN TEMATIK SEGMENT PASARAN MODAL - DAYA TAHAN TEKNOLOGI: KEPENTINGAN MENGURUS RISIKO SIBER DAN TEKNOLOGI	53
Latar Belakang	54
Pemerhatian Dalam Risiko Penyeliaan Teknologi	59
Pembinaan Keupayaan dan Kesedaran dalam Entiti Pasaran Modal	60
Kesimpulan	60
AKRONIM DAN SINGKATAN	61

PRAKATA

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dimandatkan untuk mengambil semua langkah yang munasabah untuk memantau, mengurangkan, dan mengurus risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal.

Tinjauan Kestabilan Pasaran Modal 2024 ini menggariskan penilaian risiko menyeluruh terhadap pelbagai komponen pasaran modal Malaysia dari 1 Januari hingga 31 Disember 2024 serta membincangkan pemacu risiko sistemik yang berkaitan. Laporan ini juga merangkumi tinjauan tematik mengenai perkara risiko semasa.

SOROTAN UTAMA

Pada tahun 2024, di sebalik prestasi baik, pasaran modal Malaysia dipengaruhi oleh faktor luar, termasuk antaranya penyelarasan kadar faedah oleh bank pusat utama, perubahan kadar pertukaran asing, dan peningkatan risiko geopolitik.

Sepanjang tempoh tinjauan, pasaran modal domestik terus berdaya tahan dan teratur tanpa kerisauan risiko sistemik. SC akan terus memantau perkembangan berkaitan pasaran modal untuk mengurangkan sebarang potensi risiko yang mungkin muncul.

PASARAN EKUITI



FTSE BURSA MALAYSIA KLCI (FBM KLCI) mengakhiri tahun 2024 dengan peningkatan sebanyak +12.90% (2023: -2.73%) yang dipacu oleh asas ekonomi domestik yang kukuh.



MEKANISME PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN PASARAN telah disediakan dan pemutus litar tidak dicetuskan pada tahun 2024. Selain itu, tiada penggunaan dana jaminan penjelasan pada tahun 2024.

PASARAN DERIVATIF



PASARAN DERIVATIF PERTUKARAN DAGANGAN (ETD) mencatatkan prestasi kukuh dengan peningkatan sebanyak +14.04% dalam kepentingan terbuka, berbanding 2023.



MEKANISME PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN PASARAN telah disediakan, dan tiada penggunaan dana penjelasan pada tahun 2024.

PASARAN BON



KADAR HASIL SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA (MGS) kekal kukuh pada tahun 2024, walaupun dipengaruhi oleh ketidakpastian berkenaan dasar monetari Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) dan pilihan raya presiden AS.



BON DAN SUKUK KORPORAT tidak mencatatkan sebarang kemungkiran pada tahun 2024 (2023: satu kemungkiran). Hal ini berlatarbelakangkan pendirian dasar monetari yang akomodatif dan menyokong ekonomi.

PENGURUSAN PELABURAN



NILAI ASET DI BAWAH PENGURUSAN (AUM) INDUSTRI PENGURUSAN DANA DAN NILAI ASET BERSIH (NAV) DANA UNIT AMANAH (UTF) masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak +9.59% (2023: +7.61%) dan +9.24% (2023: +2.45%), didorong terutamanya oleh kenaikan penilaian pasaran.



PERUNTUKAN AUM dalam aset asing agak stabil dan menyumbang sebanyak 32.23% daripada jumlah AUM (2023: 33.76%).



KEPUTUSAN UJIAN TEKATAN mengesahkan daya tahan dana pelaburan untuk mengatasi potensi kejutan penebusan di samping kemerosotan harga aset. Pada tahap pencairan NAV sebanyak 44.22% dalam senario ekstrim, tiada dana yang diuji menggunakan penampakan kecairan teori.

ALIRAN PELABURAN¹



PEGANGAN ASING dalam ekuiti meningkat sedikit kepada 19.69% (2023: 19.54%), manakala pemilikan asing dalam bon menurun sedikit kepada 13.12% (2023: 13.45%).



SUMBER DANA ASING kekal kecil dalam segmen pengurusan dana pada 2.92% (2023: 3.73%).



PENYERTAAN PELABUR ASING dalam pasaran ekuiti domestik meningkat kepada 36.20% (2023: 29.51%) daripada jumlah aktiviti dagangan ekuiti Malaysia.

ASET DIGITAL



AKTIVITI DAGANGAN di bursa aset digital tempatan (DAX) meningkat dengan mencatatkan purata nilai dagangan harian sebanyak RM38.06 juta pada tahun 2024 (2023: RM14.88 juta), berikutan prestasi positif aset yang didagangkan.



NILAI DAGANGAN ASET DIGITAL kekal kecil pada 1.64% berbanding dengan nilai dagangan pasaran ekuiti domestik pada tahun 2024.

PENGANTARA BROKER



SYARIKAT BROKER SAHAM (SBC) DAN BANK PELABURAN (IB) kekal berdaya tahan dengan purata nisbah kecukupan modal (CAR) SBC pada 8.80 kali (2023: 11.53 kali), manakala purata nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) IB berada pada 33.59% (2023: 34.10%), dengan itu kekal di atas paras keperluan minimum setakat bulan Disember 2024.



SYARIKAT BROKER DERIVATIF (DBC) kekal berdaya tahan dengan purata modal bersih terlaras (ANC) pada 222.28% (2023: 304.20%), dengan itu kekal di atas paras keperluan minimum setakat bulan Disember 2024.

SYARIKAT AWAM TERSENARAI



SYARIKAT AWAM TERSENARAI (PLC) MALAYSIA menunjukkan peningkatan pendapatan pada tahun 2024, dengan sumbangan terutamanya datang daripada sektor tenaga (+184.21%), hartanah (+75.25%), dan pembinaan (+71.03%).

¹ Ekuiti, bon, dan pengurusan dana.





PANDANGAN RISIKO

PANDANGAN RISIKO

Pada tahun 2024, dunia telah menyaksikan jumlah terbesar pilihan raya kebangsaan, melibatkan lebih daripada 60 negara yang mewakili separuh daripada penduduk dunia. Beberapa pilihan raya telah menghasilkan keputusan yang tidak disangka yang mungkin memberi kesan terhadap arah dasar negara tertentu dan sebahagian yang lain mungkin memberi impak yang lebih besar kepada negara-negara lain pada tahun-tahun akan datang.

Walaupun bank pusat di seluruh dunia mula memotong kadar faedah pada tahun 2024, kadar dasar di pasaran maju dijangka kekal lebih tinggi untuk tempoh yang lebih lama pada tahun 2025, namun wujud perbezaan antara AS dan Eropah. Ekonomi dunia dijangka akan stabil tetapi kurang memberangsangkan dengan unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dunia sebanyak 3.3%¹. Persekitaran geopolitik yang tidak menentu akan memburukkan lagi tekanan ini. Hal ini akan mewujudkan pasaran yang berpecah-belah dan seterusnya merencatkan prospek pemulihan ekonomi yang kukuh. Oleh itu, volatiliti yang didorong oleh sentimen dijangka berlaku di seluruh pasaran ekuiti dan bon pada tahun 2025 dan mampu mempengaruhi arah aliran pelaburan.

Susulan isu-isu di atas, pada tahun 2025, pasaran modal Malaysia akan terus dipengaruhi oleh faktor risiko utama seperti berikut:

KETIDAKTENTUAN KEADAAN PASARAN KEWANGAN



Ketegangan geopolitik yang semakin meruncing menguji daya tahan perniagaan global berikutan kepentingan dan tempoh pertikaian di seluruh dunia. Landskap geopolitik yang mencabar akan terus mengancam laluan pengangkutan utama dunia dan seterusnya mencetuskan kekacauan dalam rantai bekalan dunia, pasaran komoditi, dan keterjaminan makanan.



Pentadbiran AS yang baharu dijangka akan meningkatkan risiko dasar luar terhadap perniagaan antarabangsa. Tarif, sekatan pelaburan, sekatan ekonomi dan dasar industri akan dipertingkatkan untuk bersaing dengan seteru geopolitik, memastikan rantai bekalan strategik dan membangunkan sektor kritikal. Hal ini akan menyuntik risiko geopolitik dan kewangan terhadap perdagangan dan pelaburan.



Pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah di China, digabungkan dengan sekatan dagangan yang hampir pasti oleh AS dalam masa terdekat, boleh memberi kesan antarabangsa yang memudaratkan melalui pasaran dagangan dan komoditi dunia.



Kadar dasar di pasaran maju dijangka kekal lebih tinggi untuk tempoh yang lebih lama, namun wujud perbezaan antara AS dan Eropah.



Landskap geopolitik tidak stabil. Sebarang peningkatan pertikaian geopolitik boleh membawa kepada pemecahan ekonomi yang mungkin memberi kesan kepada pasaran modal domestik. Hal ini mendorong pelabur dunia untuk beralih kepada aset selamat dan berpotensi meningkatkan volatiliti dalam pasaran. Volatiliti yang dipacu oleh sentimen pasaran dijangka lebih kerap berlaku, memandangkan pasaran dunia yang saling berkait.

¹ Kemas Kini Tinjauan Ekonomi Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa, (2025).

KEDALAMAN, KECAIRAN, DAN KEPADATAN PASARAN EKUITI



Pasaran ekuiti Malaysia terus kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2024 walaupun berhadapan dengan peristiwa dunia dan tempatan seperti jualan panik pada bulan Ogos, pemotongan kadar faedah oleh Fed AS, dan keputusan pilihan raya presiden AS.



Dagangan di pasaran ekuiti Malaysia kekal tertumpu di kalangan pelabur institusi tempatan. Pengurangan kepelbagaian pelabur boleh menyebabkan dagangan yang padat dan reaksi berlebihan kerana pelabur mungkin mempunyai tingkah laku dagangan yang serupa. Hal ini akhirnya akan menjejaskan kecairan dan mungkin menyebabkan penemuan harga yang tidak berpatutan.



Kekurangan bilangan PLC besar yang baharu, terutamanya yang layak untuk dipilih masuk ke dalam FBMKLCI akan mengehadkan pilihan pelaburan bagi pelabur dalam pasaran ekuiti dan seterusnya mungkin memberi kesan kepada kecairan dan daya tarik.

Modal pasaran Bursa Malaysia Securities terus tertumpu di kalangan kaunter FBMKLCI. Penumpuan ini akan membawa kepada risiko kedalaman dan kecairan pasaran jangka panjang serta memberi kesan kepada daya tarikan pasaran ekuiti Malaysia terutamanya untuk pelabur nilai. Ia juga mempengaruhi kelayakan pasaran ekuiti Malaysia untuk disenaraikan dalam indeks peringkat global, contohnya Indeks Pasaran Membangun MSCI.



Pentadbiran AS yang baharu menimbulkan kerisauan berulangunya kelemahan prestasi pasaran ekuiti Malaysia berikutan jangkaan pengetatan dasar luar negara AS.² Hal ini seterusnya boleh memberi kesan negatif terhadap pulangan pelaburan bagi para pelabur dan aliran pendapatan entiti pasaran modal (CME).

RISIKO SIBER DAN TEKNOLOGI



Pertumbuhan pesat dalam ketersambungan digital dan inovasi kewangan telah mempertingkatkan penawaran produk dan perkhidmatan dalam pasaran modal. Walau bagaimanapun, tahap kecanggihan yang meningkat ini telah menyebabkan peningkatan risiko yang ketara.



Peningkatan pendigitalan dan kebersalingkitaan dalam pasaran modal telah menyebabkan CME mudah terdedah kepada ancaman siber dan gangguan operasi, termasuk ancaman dan gangguan daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Insiden-insiden siber telah menunjukkan bahawa bahagian kritikal dalam rantai bekalan teknologi boleh mencetuskan risiko siber bukan sahaja kepada entiti individu tetapi juga boleh merebak menjadi ancaman sistemik kepada keseluruhan pasaran.



Penggunaan khidmat luaran oleh syarikat dalam sebilangan besar segmen perkhidmatan mereka menghasilkan penumpuan penyedia perkhidmatan pada perkhidmatan atau teknologi yang sama dalam pasaran modal dan keseluruhan sistem kewangan. Hal ini juga boleh mendedahkan pelbagai entiti kepada kesan gangguan pada masa yang sama. Kehilangan, ketidaktersediaan, dan keterjejasan data penting boleh mengakibatkan gangguan sistemik. Insiden CrowdStrike telah mendedahkan bahawa satu insiden operasi boleh menyebabkan kesan rentas sempadan akibat kerentanan yang sama.



Kecerdasan buatan (AI) dan kecerdasan buatan janaan semakin banyak digunakan dalam pasaran modal kerana ia meningkatkan kecekapan. Pendedahan risiko tertentu mungkin dikurangkan melalui penerimapakaian AI. Namun, kemunculan risiko baharu seperti manipulasi pasaran dalam aktiviti pasaran modal memerlukan penelitian lebih mendalam.

² Semasa penggal pertama pentadbiran Trump dari 2017 hingga 2021, pasaran ekuiti Malaysia menunjukkan prestasi yang hambar seperti yang dilihat menerusi arah aliran kemerosotan FBMKLCI dan peningkatan aliran keluar dana asing dari pasaran ekuiti.

RISIKO KEMAMPAHAN



Risiko berkaitan iklim³ menjadi semakin kritikal dengan peralihan dunia kepada ekonomi rendah karbon⁴. Peralihan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) mungkin menelan belanja tinggi bagi syarikat, namun kegagalan menerimapakai ESG akan menghasilkan risiko syarikat disisihkan dari dana pelaburan dan indeks yang tertumpu kepada ESG. Penyisihan ini akan mengurangkan daya tarikan syarikat kepada pelabur.



Pendekatan pentadbiran AS yang baharu terhadap perubahan iklim mungkin memperkenalkan pertimbangan yang perlu diperhalusi dalam kerangka kawal selia antarabangsa. Walaupun potensi perbezaan dalam peraturan berkaitan iklim boleh mencipta cabaran pnyesuaian sementara, iltizam dunia terhadap kemampanan kelihatan kekal utuh. Sebilangan besar negara masih melaksanakan strategi alam sekitar yang proaktif, dengan itu menunjukkan momentum libat urus iklim yang berterusan.



Undang-undang kemampanan yang lebih ketat mampu memaksa pematuhan, manakala ketidakpatuhan pula mengakibatkan denda dan kerosakan reputasi kepada syarikat yang terlibat.



Keperluan seperti Mekanisme Pelarasan Sempadan Karbon juga meningkatkan jangkaan supaya syarikat melaksanakan ketelitian wajar yang lebih menyeluruh terhadap rantai bekalan mereka dan menguruskan risiko ESG dengan sepatutnya.



Sebagai tindak balas terhadap cabaran-cabaran ini, khususnya aspek pendedahan, Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF) telah diperkenalkan. NSRF membincangkan penggunaan Piawaian Pendedahan Kemampanan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa. Piawaian pendedahan kemampanan asas ini menggunakan pendekatan pelaksanaan secara berperingkat memandangkan tahap dan peringkat kematangan dalam amalan dan pelaporan kemampanan yang berbeza-beza di kalangan syarikat di Malaysia.



NSRF mensasarkan mengubah pendedahan kemampanan daripada sekadar memenuhi pematuhan kepada pelaporan ESG yang menyeluruh dan bermakna. Dengan pelaksanaan NSRF yang berkesan, PLC mampu berubah menjadi lebih menarik kepada pelabur. Oleh itu, kemajuan dan kesediaan syarikat untuk menerimapakai NSRF akan menjadi cabaran dalam mencapai sasaran ini.

³ Risiko fizikal dan peralihan.
⁴ Sumbangan yang ditentukan secara nasional (Nationally determined contributions: NDC) adalah teras kepada Perjanjian Paris, di mana setiap negara menggariskan usaha mereka untuk mengurangkan pelepasan nasional dan menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim. Malaysia secara khusus menyasarkan untuk mengurangkan keamatan karbon seluruh ekonominya (berbanding KDNK) sebanyak 45% pada tahun 2030, sebagai sebahagian daripada NDCnya.





PENILAIAN RISIKO TERHADAP KOMPONEN PASARAN MODAL

PASARAN EKUITI


Meskipun terdapat rintangan global, asas domestik yang kukuh meningkatkan daya tahan pasaran domestik

Pada tahun 2024, volatiliti pasaran ekuiti global kekal rendah sepanjang tahun (Carta 1), kecuali pada bulan Ogos yang menyaksikan lonjakan volatiliti yang ketara. Hal ini didorong oleh penunjuk makroekonomi AS yang lebih lemah daripada jangkaan, yang seterusnya menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan kemelesetan di AS iaitu ekonomi terbesar dunia. Kebimbangan ini mempengaruhi pasaran ekuiti global, termasuk Malaysia, dan menyebabkan penurunan seketika dalam indeks-indeks utama.

Volatiliti pasaran ekuiti global kekal rendah secara keseluruhan sepanjang tahun.

Volatiliti juga meningkat pada bulan Oktober menjelang pilihan raya di AS, tetapi kembali reda selepas keputusan pilihan raya pada bulan November. Keputusan pilihan raya tersebut juga mendorong kenaikan pasaran ekuiti AS, namun pada masa yang sama, menekan harga ekuiti pasaran pesat membangun berikutan pengukuhan dolar AS dan kebimbangan pelabur terhadap kesan kemungkinan dasar luar negara yang lebih ketat oleh AS.

CARTA 1
Petunjuk volatiliti pasaran ekuiti global^{1,2}



Sumber: Bloomberg.

¹ VIX adalah Indeks Volatiliti Chicago Board Options Exchange (CBOE), yang mengukur volatiliti yang dijangkakan bagi Indeks S&P 500 (SPX) dalam 30 hari akan datang yang tersirat dalam sebut harga tawaran/permintaan opsyen SPX. Indeks VSTOXX adalah berdasarkan harga opsyen masa nyata EURO STOXX 50 dan direka bentuk untuk mencerminkan jangkaan pasaran terhadap ketidakpastian jangka pendek hingga jangka panjang. Indeks VXEEM adalah Indeks Volatiliti Pasaran Membangun CBOE, yang menganggarkan volatiliti pulangan yang dijangkakan selama 30 hari bagi Indeks Pasaran Membangun MSCI.

² Purata lima tahun antara tahun 2019 dan 2023.

FBMKLCI mengakhiri tahun 2024 dengan peningkatan sebanyak +12.90% (Carta 2) dan ditutup pada 1,642.33 mata, sekali gus meletakkan Bursa Malaysia Securities sebagai salah satu pasaran ekuiti yang terbaik dalam kalangan negara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Permodalan pasaran ekuiti domestik melepasi RM2 trilion dan mencatatkan bilangan penyenaraian tertinggi sejak 2005, iaitu sebanyak 55 penyenaraian. Prestasi ini didorong oleh faktor-faktor domestik yang memberangsangkan, termasuk pertumbuhan KDNK yang positif dan prospek pendapatan yang kukuh bagi sektor perkhidmatan kewangan, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur.


Faktor domestik memberi keyakinan kepada pelabur.

Aktiviti dagangan di Bursa Malaysia Securities terus menunjukkan peningkatan, dengan nilai dan jumlah dagangan keseluruhan masing-masing mencecah RM848.70 bilion dan 1.06 trilion unit, rekod tertinggi sejak tahun 2022.

CARTA 2

Prestasi pasaran ekuiti domestik

1 Jan 2024 = 100



Sumber: Bloomberg.

Langkah perlindungan dan kawalan pasaran kekal kukuh, hal ini memastikan kestabilan dan daya tahan di kala keadaan tidak menentu. Sepanjang tahun tinjauan, tiada sebarang pemutus litar tercetus dan tiada penggunaan dana jaminan penjelasan berlaku.

Dari segi operasi, terdapat gangguan dalam penyebaran Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia pada tahun 2024, namun ia tidak memberi kesan ketara terhadap aktiviti dagangan.

Pendapatan kukuh PLC dalam sektor utiliti dan perkhidmatan kewangan telah meningkatkan prestasi FBMKLCI di tengah rintangan global

Kebanyakan PLC Malaysia³ menunjukkan peningkatan dalam pendapatan yang dilaporkan. Pendapatan mencapai angka RM90.14 bilion setakat S3 2024, berbanding RM73.15 bilion setakat S3 2023 (Jadual 1). Hal ini mendorong kepada sentimen pelabur yang positif dan menyokong lonjakan dalam pasaran ekuiti domestik.

Pendapatan PLC Malaysia meningkat, sektor tenaga menunjukkan peningkatan yang ketara manakala prestasi sektor produk dan perkhidmatan pengguna menurun.

³ Penilaian pendapatan PLC adalah berdasarkan penyata kewangan terkini yang tersedia setakat S3 2024.

Sektor dengan peningkatan pendapatan mengikut peratusan yang tertinggi adalah tenaga (+RM4.67 bilion, +184.21%), hartanah (+RM2.66 bilion, +75.25%) dan pembinaan (+RM0.77 bilion, +71.03%). Sektor-sektor ini melaporkan peningkatan berkaitan dengan perniagaan, di mana sektor tenaga menerima manfaat daripada permintaan yang kukuh untuk penyedia perkhidmatan hulu dalam keadaan bekalan yang terhad. Manakala, peningkatan dalam pendapatan sektor hartanah dipacu oleh keuntungan nilai wajar ke atas hartanah pelaburan yang terletak di luar negara. Sektor pembinaan kekal berdaya tahan dengan bilangan kontrak semasa yang kukuh, ditunjangi oleh permintaan sektor swasta untuk pusat data dan pembangunan hartanah.

JADUAL 1
Pendapatan mengikut sektor

Sektor	Setakat S3 2024 (RM bilion)	Setakat S3 2023 (RM bilion)
Perkhidmatan Kewangan	32.29	29.24
Produk & Perkhidmatan Pengguna	12.48	12.67
Utiliti	9.92	7.63
Hartanah	6.19	3.53
Perladangan	5.80	4.63
Produk & Perkhidmatan Industri	5.22	4.75
Telekomunikasi & Media	5.12	4.64
Pengangkutan & Logistik	3.40	2.79
Perkhidmatan Kesihatan	2.47	1.72
Tenaga	2.14	(2.54)
Amanah Pelaburan Hartanah	2.10	2.10
Pembinaan	1.86	1.09
Teknologi	1.13	0.91
Dana Tertutup	0.00	0.00
JUMLAH	90.14	73.15

Nota:
PLC dikelaskan mengikut pengelasan sektor Bursa Malaysia Securities.
Nilai mungkin tidak tepat kerana pembundaran.

Sumber: Standard & Poor's.


Indeks ekuiti diterajui oleh peningkatan prestasi PLC dalam sektor perkhidmatan kewangan (+RM3.05 bilion, +10.43%), yang merupakan sektor terbesar dalam FBMKLCI pada 35.03% (Carta 3). Pertumbuhan berterusan sektor ini telah menjadi penyumbang utama kepada kekuatan keseluruhan indeks. Hal ini menunjukkan peranannya yang penting dalam mendorong prestasi pasaran ekuiti domestik.

Sektor utiliti (+RM2.29 bilion, +30.03%), yang diwakili oleh Indeks Utiliti Bursa, juga mencatatkan peningkatan yang kukuh disebabkan oleh kesan pertukaran wang asing yang positif berikutan pengukuhan nilai ringgit. Sebagai sektor kedua terbesar dalam FBMKLCI, dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM177.60 bilion, sektor utiliti merangkumi 15.67% daripada nilai permodalan pasaran FBMKLCI (Carta 3).

Walaupun bagaimanapun, penumpuan dalam kedua-dua sektor tersebut mendedahkan pasaran kepada risiko khusus berkaitan sektor, yang berpotensi meningkatkan volatiliti jika mana-mana sektor utama menghadapi cabaran.

CARTA 3

Pecahan sektor dalam FBMKLCI mengikut permodalan pasaran



Nota:

Nilai mungkin tidak tepat kerana pembundaran.

Sumber: SC.

Walaupun kebanyakan sektor melaporkan peningkatan pendapatan setakat S3 2024, PLC di bawah sektor produk dan perkhidmatan pengguna (-RM0.19 bilion, -1.47%) menunjukkan prestasi yang kurang baik. Prestasi sektor ini terjejas oleh penurunan jualan dan kenaikan kos operasi yang dilaporkan oleh beberapa PLC, yang secara keseluruhannya memberi tekanan kepada pendapatan sektor tersebut.

Pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh menarik aliran masuk daripada pelabur asing, namun aliran keluar berlaku disebabkan oleh faktor global

Pelabur asing secara umum cenderung kepada aset yang lebih berisiko, terutamanya ekuiti pasaran pesat membangun, semasa kadar faedah yang lebih rendah. Selain itu, faktor domestik seperti ringgit yang kukuh, akan menarik pelaburan asing ke Malaysia. Kecenderungan ini jelas kelihatan pada minggu terakhir bulan Ogos, apabila pasaran ekuiti domestik mencatatkan aliran masuk bersih mingguan tertinggi dari pelabur asing sejak tahun 2016. Peningkatan ini sejajar dengan tempoh sebelum Fed mula mengurangkan kadar faedah, dan juga dengan prospek pertumbuhan domestik dan ringgit yang mengukuh. Namun, pelabur asing telah bertukar menjadi penjual bersih di pasaran ekuiti domestik sejak awal bulan Oktober, dengan aliran keluar yang ketara diperhatikan pada bulan November.


Walaupun aliran masuk yang besar diperhatikan pada bulan Ogos, pelabur asing merupakan penjual bersih untuk tahun ini.

Aliran keluar ini sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan pemotongan kadar faedah yang lebih kecil oleh Fed pada tahun 2025 dan kebimbangan mengenai kemungkinan kenaikan kadar tarif AS di bawah pentadbiran AS yang baharu.

Setakat hujung tahun 2024, pelabur asing merupakan penjual bersih pasaran ekuiti domestik dengan catatan aliran keluar bersih terkumpul sebanyak -RM4.16 bilion (Carta 4). Di sebalik aliran keluar ini, penyertaan dagangan pelabur asing di pasaran domestik meningkat daripada 29.51% pada tahun 2023 kepada 36.20% daripada jumlah aktiviti dagangan.

CARTA 4

Dagangan asing ekuiti




Sumber: SC.

Peningkatan penyertaan dalam kalangan pelabur asing berlaku seiring dengan peningkatan kecairan Bursa Malaysia Securities berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini dicerminkan oleh kenaikan nilai dan jumlah dagangan harian keseluruhan, masing-masing berpurata sebanyak RM3.44 bilion dan 4.29 bilion unit pada sepanjang tahun ini (Carta 5). Dalam tempoh yang sama, purata nilai dagangan harian oleh pelabur asing adalah RM1.14 bilion, dan purata jumlah dagangan harian adalah 739.43 juta unit. Kedua-dua angka ini jauh lebih tinggi daripada purata nilai dagangan harian selama 5 tahun⁴ sebanyak RM609.18 juta dan purata jumlah dagangan harian selama 5 tahun⁴ sebanyak 532.37 juta unit.

Kecairan meningkat, dengan jumlah dan nilai dagangan secara purata lebih tinggi daripada tahun 2023.

CARTA 5

Purata dagangan harian



Sumber: SC.


⁴ Purata lima tahun meliputi purata dagangan harian antara tahun 2019 dan 2023.

Setakat 31 Disember 2024, pegangan asing dalam ekuiti Malaysia meningkat kepada 19.69% berbanding paras 19.54% pada tahun sebelumnya (Carta 6). Daripada peratusan tersebut, 32.08% (RM131.22 bilion) pegangan asing terdiri daripada pegangan oleh pelabur bukan strategik⁵. Dalam senario tekanan buruk, jika semua pelabur bukan strategik keluar dari pasaran, paras pemilikan asing akan menurun daripada 19.69% kepada sekitar 14.46% (Carta 7). Namun, hal ini hampir tidak mungkin berlaku memandangkan peristiwa aliran keluar tertinggi yang dicatatkan semasa pandemik COVID-19 (dari Februari hingga Mei 2020) yang menyaksikan aliran keluar ekuiti sebanyak RM13.20 bilion.

Pemilikan asing dalam ekuiti meningkat kepada 19.69%, di mana 32.08% daripadanya dipegang oleh pelabur bukan strategik.

CARTA 6

Pegangan asing dalam ekuiti Malaysia



Sumber: SC.

CARTA 7

Senario jika pelabur asing bukan strategik keluar dari pasaran ekuiti



Sumber: SC.

Arah aliran terdahulu menunjukkan bahawa pelabur institusi tempatan telah membantu meredakan sebahagian kesan jualan oleh pelabur asing. Penyertaan dagangan pelabur institusi tempatan pada tahun 2024 adalah sebanyak 43.16%, sedikit rendah daripada nilai 43.32% yang dicatatkan pada tahun 2023. Nilai purata dagangan harian oleh institusi tempatan di pasaran ekuiti domestik adalah RM1.38 bilion, dengan purata jumlah dagangan harian sebanyak 1.80 bilion unit. Sebaliknya, pelabur runcit tempatan mencatatkan kadar penyertaan yang lebih rendah, iaitu sebanyak 20.64% pada tahun 2024 berbanding dengan 27.17% pada tahun 2023. Nilai purata dagangan harian oleh pelabur runcit tempatan di pasaran domestik adalah RM640.22 juta, dengan purata jumlah dagangan harian sebanyak 1.47 bilion unit.

Sejarah menunjukkan kesan jualan oleh pelabur asing diredakan oleh pelabur institusi tempatan.

⁵ Pelabur strategik terdiri daripada syarikat induk atau syarikat pegangan yang beribu pejabat di luar Malaysia, seperti Nestle, Telenor, Lotte dan seumpamanya. Pelabur bukan strategik pula adalah pengurus pelaburan yang mempunyai jangka masa pelaburan yang lebih pendek. Keputusan pelaburan mereka kebanyakannya bergantung kepada permintaan atau budi bicara pengurus dana atau pelanggan.

Pengantara broker saham⁶ menerima manfaat daripada pertambahan kegiatan dagangan


Hasil daripada khidmat broker ekuiti bagi pengantara broker saham meningkat lebih daripada separuh pada suku ketiga tahun 2024, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2023⁷. Pendapatan khidmat broker menyumbang kepada satu pertiga daripada jumlah hasil.

Purata CAR SBC menurun kepada 8.80 kali (Carta 8) setakat bulan Disember 2024 disebabkan oleh peningkatan ketara dalam jumlah keperluan risiko bagi beberapa SBC tertentu. CAR tersebut turun daripada 11.53 kali pada waktu yang sama tahun lepas.

Hasil khidmat broker ekuiti meningkat lebih daripada separuh dalam tiga suku pertama tahun 2024.

Semua pengantara broker saham memenuhi keperluan kewangan minimum masing-masing, meskipun terdapat aliran penurunan.

CARTA 8
Purata CAR SBC



Sumber: SC.


⁶ SBC dan IB.

⁷ Kajian mengenai penilaian pendapatan perantara broker saham adalah berdasarkan kewangan yang tersedia sehingga S3 2024.

Sementara itu, RWCR IB jatuh kepada 33.59% (Carta 9) setakat bulan Disember 2024, berbanding 34.10% pada waktu yang sama tahun lepas.

CARTA 9

Purata RWCR IB



Sumber: SC.

Kesemua pengantara broker saham kekal berdaya tahan dan terus memenuhi keperluan modal minimum masing-masing sepanjang tahun. Secara umumnya, nilai CAR dan RWCR masing-masing melebihi paras keperluan minimum sebanyak 1.20 kali dan 8.00%.

Pengantara broker saham telah melaksanakan kawalan pengurusan risiko yang kukuh untuk menguruskan pendedahan risiko kredit yang timbul daripada pembiayaan margin dan dagangan kontra. Nisbah perlindungan cagaran pembiayaan margin setakat bulan Disember 2024 adalah pada paras 3.06 kali berbanding 3.17 kali pada tempoh sama tahun sebelumnya, berbanding paras minimum yang diperlukan sebanyak 1.30 kali.

Secara keseluruhan, pengantara broker saham telah menguruskan keadaan kecukupan modal dan kecairan mereka dengan berhemat dan mencukupi.

PASARAN DERIVATIF

Pasaran ETD terus bertumbuh dengan stabil

Pertumbuhan permintaan minyak global yang perlahan pada tahun 2024 yang dipacu terutamanya oleh kemerosotan permintaan minyak dari China akibat penggunaan kenderaan elektrik yang semakin meningkat dan pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan, telah memberi tekanan ke atas harga minyak global. Sementara itu, ketegangan geopolitik di Timur Tengah telah menyumbang kepada volatiliti pasaran disebabkan risiko gangguan dalam penghasilan dan pengangkutan minyak, dengan itu merumitkan lagi keadaan penawaran dan permintaan minyak global. Dalam pasaran minyak makan, Indonesia, pengeksport minyak sawit terbesar global, telah melaksanakan levi bulanan yang lebih rendah, dengan tujuan untuk meningkatkan daya saing minyak sawit Indonesia berbanding minyak makan lain di pasaran global. Selain itu, pelaksanaan mandat 40.00% minyak sawit dalam biodiesel di Indonesia yang dijadualkan bermula pada bulan Januari 2025, dijangka akan meningkatkan permintaan minyak sawit Indonesia. Hal ini akan menghadkan penawaran global disebabkan oleh ketersediaan eksport yang terhad dan seterusnya mempengaruhi pasaran minyak makan secara keseluruhan.

Jumlah kontrak ETD melepasi rekod tiga tahun yang lepas, meskipun dalam keadaan pasaran global yang tidak menentu.

Berlatarbelakangkan peralihan pasaran global dan serantau ini, pasaran ETD Malaysia menunjukkan prestasi yang kukuh dengan kepentingan terbuka setakat hujung bulan Disember 2024 meningkat sebanyak +14.04% berbanding 2023, pertumbuhan tahunan tertinggi sejak 2021. Hal ini menggambarkan pertumbuhan penyertaan pasaran dan keyakinan yang semakin meningkat, sejajar dengan peningkatan +27.91% dalam jumlah kontrak yang didagangkan pada 2024 yang mencapai sebanyak 22.75 juta kontrak. Rekod sebanyak ini dipacu terutamanya oleh prestasi Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) dan Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FKLI). Hal ini menyerlahkan pengiktirafan yang semakin meningkat ke atas pasaran derivatif domestik sebagai platform yang kukuh untuk penemuan harga dan pengurusan risiko.

Derivatif komoditi mengekalkan kedudukan dominan dalam pasaran

Minyak sawit kekal sebagai tonggak utama pengeluaran pertanian dan perdagangan global bagi Malaysia, menjadikan negara ini sebagai pengeluar kedua terbesar komoditi ini selepas Indonesia. Eksport minyak sawit meningkat pada tahun 2024, dengan 16.90 juta tan metrik dieksport antara bulan Januari dan Disember, berbanding 15.14 juta tan metrik pada tempoh yang sama pada tahun 2023. Dalam pasaran ETD, harga kontrak yang paling popular, FCPO, meningkat sebanyak +23.56%¹, mencapai puncak RM5,029.00 setiap tan metrik pada November 2024. Meskipun harga turun naik sepanjang tahun, FCPO didagangkan pada purata harga RM4,043.77 setiap tan metrik, dengan tahun dimulakan pada harga RM3,600.00 setiap tan metrik. Kenaikan harga niaga hadapan secara keseluruhan boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, termasuk kebimbangan mengenai penawaran ketat disebabkan oleh kesukaran untuk menghasilkan minyak sawit di rantau pengeluar utama, keadaan cuaca yang tidak mengizinkan dan usia pokok yang meningkat.

Kebergantungan tinggi kepada FCPO menimbulkan cabaran dalam pempelbagaian pasaran.


¹ Prestasi harga FCPO adalah berdasarkan kontrak niaga hadapan yang paling aktif dan cair.

Selain itu, kenaikan harga minyak mentah Brent meningkatkan daya tarikan minyak sawit mentah (CPO) sebagai stok suapan biodiesel, memandangkan harga minyak mentah Brent dan CPO lazimnya bergerak seiring. Keputusan kewangan 10 PLC yang terbesar² dalam sektor perladangan menunjukkan bahawa pendapatan positif bagi S3 2024³ disokong oleh gabungan faktor. Antaranya termasuk harga realisasi jualan CPO yang lebih tinggi, tinjauan penghasilan yang lebih lemah dan kos penghasilan yang lebih rendah.

Namun begitu, kebergantungan pasaran yang tinggi kepada satu produk, iaitu FCPO, menimbulkan risiko yang ketara memandangkan FCPO menyumbang sekitar 83.28% kepada jumlah dagangan keseluruhan pada tahun 2024 (Carta 1). Pelabur institusi asing pula menyumbang purata sebanyak 61.36% kepada jumlah ini. Penyertaan asing yang dominan ini menekankan peranan FCPO dalam membenarkan peserta mengakses pasaran CPO untuk pengurusan risiko dan perdagangan.

CARTA 1

Jumlah dagangan ETD



Sumber: Bursa Malaysia.

Namun, penumpuan ini memberi cabaran terhadap diversifikasi pasaran apabila ia menghadkan daya tarikan dan menyekat potensi pertumbuhan yang mampan, memandangkan pendedahan risiko pasaran yang condong kepada satu segmen sahaja.

² Senarai 10 teratas diperolehi daripada permodalan pasaran setakat 31 Disember 2024.

³ Tempoh pelaporan S3 meliputi bulan Julai hingga September 2024, kecuali satu syarikat dengan tempoh pelaporan S3 yang meliputi bulan Ogos hingga Oktober 2024.

Prestasi derivatif ekuiti menandakan pasaran ekuiti yang berdaya tahan

FKLI, ETD yang kedua paling aktif didagangkan, menunjukkan kenaikan yang ketara sejak pemulihan daripada pandemik COVID-19. Setakat bulan Disember 2024, niaga hadapan indeks penanda aras melepasi 1,600.00 mata, bermula dari bulan Januari 2024 apabila niaga hadapan indeks melepasi paras 1,500.00 mata. Peningkatan FKLI ini mencerminkan keyakinan terhadap prestasi positif FBMKLCI sebagai indeks penanda aras pasaran ekuiti di Malaysia. Selain itu, peningkatan ketara sebanyak +25.26% dalam jumlah dagangan mengukuhkan lagi arah aliran ini, mencerminkan keyakinan pelabur yang semakin meningkat dan aktiviti pasaran yang berkembang dalam pasaran ekuiti Malaysia.

FKLI menunjukkan peningkatan keseluruhan sejak awal tahun, mencerminkan keyakinan terhadap prestasi positif pasaran ekuiti Malaysia.

Prestasi derivatif yang paling banyak didagangkan selari dengan aset pendasar

Kedua-dua FCPO dan FKLI didagangkan selaras dengan pasaran fizikal, seperti yang ditunjukkan oleh arah aliran yang selari antara harga derivatif dan produk fizikal yang mendasarinya. Spread yang diperhatikan kekal stabil, menunjukkan bahawa tiada risiko perbezaan pasaran segera yang boleh meningkatkan volatiliti.

Sentimen pasaran adalah sejajar.

Produk baharu telah dilancarkan dalam segmen utama

Pada bulan Mac 2024, Bursa Malaysia Derivatives melancarkan Niaga Hadapan Minyak Kacang Soya Bursa Malaysia DCE⁴ (FSOY), kontrak niaga hadapan minyak makan bukan berasaskan sawit yang pertama. Kontrak ini memanfaatkan status minyak kacang soya sebagai minyak makan kedua yang paling banyak digunakan di seluruh dunia selepas minyak sawit, dan peranannya sebagai pengganti minyak sawit. Pelabur diberikan peluang pempelbagaian untuk mengurus risiko harga dan merebut peluang arbitraj apabila kedua-dua niaga hadapan komoditi ini tersenarai di Bursa Malaysia Derivatives. Sejak pelancarannya, jumlah dagangan FSOY menunjukkan peningkatan, mencapai kira-kira 80,000 kontrak setakat bulan Disember 2024, bersamaan dengan 2.00 juta tan metrik minyak kacang soya dengan pelabur runcit domestik sebagai peserta paling utama. Namun, penyertaan keseluruhan dalam FSOY kekal rendah berbanding dengan FCPO yang mencatatkan 18.95 juta kontrak didagangkan dalam tempoh yang sama. Kecairan terhad seperti yang dijangkakan berikutan statusnya sebagai kontrak baharu ditawarkan di Bursa Malaysia Derivatives dan kewujudan kontrak minyak kacang soya yang dominan serta sangat aktif didagangkan di bursa lain, seperti Kontrak Niaga Hadapan Minyak Kacang Soya DCE⁵. Hal ini menekankan kepentingan meningkatkan kesedaran pasaran bagi mendorong penyertaan aktif dalam kontrak tersebut pada masa hadapan.

Portfolio komoditi telah berkembang ke dalam minyak makan bukan berasaskan sawit, tetapi penyertaan kekal rendah.

⁴ DCE – Perdagangan Komoditi Dalian.

⁵ Pada tahun 2024, Kontrak Niaga Hadapan Minyak Kacang Soya DCE mencatatkan 148.95 juta kontrak didagangkan, bersamaan dengan 1,489.49 juta tan metrik minyak kacang soya.


Institusi asing mendominasi dalam pasaran ETD

Institusi asing menguasai pasaran, membentuk hampir 65.00% jumlah peserta secara berterusan, manakala pelabur runcit domestik mengekalkan kehadiran yang stabil pada sekitar 20.00% hingga 24.00% (Carta 2). Hal ini mencerminkan keyakinan berterusan komuniti dagangan global terhadap kemampuan ETD Malaysia untuk memenuhi permintaan peserta pasaran.

Institusi asing memimpin sebagai pelabur terbesar.

CARTA 2

Peserta pasaran derivatif



Nota:

* Peserta tempatan ialah pedagang derivatif profesional yang berdagang untuk akaun sendiri. Secara ringkas, seorang pedagang yang bekerja sendiri.

Sumber: Bursa Malaysia.


Pertumbuhan dalam jumlah dagangan meningkatkan pendapatan DBC

Pada tahun 2024, pendapatan DBC daripada komisen dan khidmat broker derivatif mengalami peningkatan yang ketara sebanyak +28.78%. Peningkatan pendapatan yang ketara ini sejajar dengan peningkatan jumlah dagangan yang dicatatkan pada tahun 2024.

DBC mencatatkan pertumbuhan pendapatan hampir 29%.

Nisbah ANC menurun kepada 222.28% (Carta 3) setakat bulan Disember 2024 berbanding 304.20% pada masa yang sama tahun lepas.

CARTA 3
Purata nisbah ANC DBC



Nota:
Nisbah ANC bagi sebuah DBC dikira dengan membahagikan ANCnya dengan paras keperluan minimum (RM0.50 juta atau 10% daripada agregat margin yang diperlukan, mengikut mana-mana yang lebih tinggi).

Sumber: SC.

Namun, semua DBC menunjukkan daya tahan dan memenuhi keperluan kewangan minimum secara berterusan sepanjang tahun. Alat pengurusan risiko yang perlu juga telah disediakan untuk menguruskan risiko kredit dan pasaran yang dihadapi oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing (BMDC). Secara keseluruhan, kedua-dua DBC dan BMDC telah menguruskan kedudukan kecairan masing-masing secara berhemah dan secukupnya. Selain itu, BMDC menunjukkan kebolehannya untuk beradaptasi dengan perubahan keadaan pasaran, memastikan keselamatan dan kecukupan pasaran derivatif tetap terjamin. Tiada penggunaan dana penjelasan pada tahun 2024. Hal ini menekankan keberkesanan mekanisme pengurusan risiko pasaran dan daya tahan infrastruktur pasaran.

DBC dan BMDC telah menguruskan kedudukan kecairan masing-masing secara berhemah dan secukupnya.

PASARAN BON


Pasaran bon domestik mengikut rapat prestasi pasaran global

Pasaran bon global mencatatkan prestasi bercampur pada tahun 2024, dengan kesudahan yang berbeza merentasi indeks. *J.P. Morgan Global Aggregate Bond Index* menamatkan tahun 2024 dengan catatan negatif, manakala *J.P. Morgan Emerging Market Bond Index* mencatatkan keuntungan sederhana (Carta 1) yang dikekang oleh peningkatan kadar hasil.

Pasaran bon global menunjukkan prestasi yang berbeza-beza pada tahun 2024.

CARTA 1

Indeks bon pasaran global dan pasaran pesat membangun



Sumber: Bloomberg.

Ketidaktentuan pasaran bon global (Carta 2) meruncing pada bulan April, dipacu oleh ketegangan yang meningkat di Timur Tengah dan perubahan sentimen pelabur mengenai arah kadar faedah AS. Namun, volatiliti ini menurun pada baki separuh pertama tahun 2024 selepas isyarat yang jelas daripada Fed berkenaan pendekatan pelarasan kadar faedah yang beransur-ansur dan berhati-hati. Tidak seperti pada tahun 2023, Fed memotong kadar faedah beberapa kali pada tahun 2024 untuk menangani inflasi yang berterusan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada bulan September, Fed mengurangkan kadar faedah sebanyak -0.50 mata peratusan, pengurangan ini merupakan yang pertama dalam jujukan pemotongan yang bertujuan untuk menyelaraskan semula dasar monetari. Mesyuarat seterusnya pada bulan Oktober dan Disember masing-masing menyaksikan pengurangan tambahan sebanyak -0.25 mata peratusan, dengan itu menggerakkan julat kadar sasaran kepada 4.25%–4.50% menjelang hujung tahun. Volatiliti pasaran bon meningkat dengan mendadak pada bulan Oktober, dipacu oleh ketidakpastian berhubung pilihan raya presiden AS. Pelabur bimbang terutamanya tentang keputusan pilihan raya yang dipertikaikan dan kesannya kepada ekonomi. Kebimbangan ini membawa kepada peningkatan penghindaran risiko di pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, volatiliti kembali stabil selepas proses pilihan raya AS tamat.

Ketidaktentuan pasaran bon global meningkat sebelum kembali reda pada tahun 2024.

CARTA 2
Penunjuk volatiliti pasaran bon




Sumber: Bloomberg.

Di peringkat domestik, kadar hasil MGS kekal stabil pada 2024, berada dalam julat 3.7% hingga 4.0%, dan konsisten walaupun berhadapan dengan volatiliti kadar hasil Perbendaharaan AS (UST) (Carta 3). Jangkaan peningkatan aktiviti fiskal di bawah pentadbiran AS yang baharu mendorong spekulasi mengenai potongan kadar yang lebih sedikit untuk mengimbangi tekanan inflasi, dengan itu menguatkan peningkatan kadar hasil. Keadaan ini menekankan kesalinghubungan antara pasaran dunia dan domestik, memandangkan prestasi bon tempatan sangat peka terhadap isyarat dasar AS dan perkembangan geopolitik keseluruhan.

Kadar hasil MGS meningkat sejajar dengan kadar hasil Perbendaharaan AS.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menunjukkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan November bahawa pendirian dasar semasanya mencerminkan keyakinan terhadap prestasi ekonomi Malaysia yang stabil dan unjuran pertumbuhan dan inflasi yang menggalakkan. BNM menekankan iltizamnya untuk memantau rapi arah aliran ekonomi menjelang tahun 2025 demi memastikan bahawa dasar-dasar yang diambil menyokong kemajuan ekonomi yang mampan. Kadar dasar semalaman (OPR) kekal pada 3.00% tanpa sebarang pelarasan sepanjang tahun 2024. MGS-10 Tahun kekal kukuh dan mendapat permintaan walaupun berhadapan dengan tekanan luar dan peristiwa global. Hal ini berkait dengan kestabilan kadar OPR iaitu sebanyak 3.00%.

CARTA 3
Kadar hasil MGS dan UST




Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM).

Bon dan sukuk korporat kekal mantap

Bon dan sukuk korporat terus menunjukkan keteguhan dalam persekitaran dasar monetari yang akomodatif dan menyokong ekonomi. Penerbitan bon dan sukuk korporat jangka panjang terus kukuh pada RM124.15 bilion dengan sektor utama yang menerajui penerbitan termasuk kewangan (RM51.72 bilion), hartanah (RM19.89 bilion), serta pentadbiran awam (RM10.61 bilion) (Carta 4).

CARTA 4

5 sektor teratas dalam terbitan bon dan sukuk korporat¹



Sumber: SC.

Kemungkiran bon korporat tidak berlaku pada tahun 2024, berbanding dengan satu kemungkiran pada tahun 2023, manakala bon korporat yang menghadapi cabaran kualiti kredit mewakili sebahagian kecil pasaran, iaitu 1.43% daripada keseluruhan segmen bon korporat. Sementara itu, enam penerbit korporat dengan jumlah keseluruhan RM5.20 bilion mengalami penurunan penarafan (2023: lapan penurunan bernilai RM4.00 bilion) terutamanya disebabkan oleh kelemahan aliran tunai. Kira-kira 80.00% daripada bon yang diturunkan penarafannya terdiri daripada penerbit dalam sektor pembinaan, lebuhraya, dan industri. Secara umumnya, penerbit bon korporat dijangka mampu menghadapi tekanan jangka pendek melalui sokongan tahap modal yang kukuh, rizab kecairan yang mencukupi, dan aliran tunai yang stabil, terutamanya di kalangan institusi kewangan dan syarikat pembiayaan projek yang menguasai perniagaan bon korporat.

Tiada kemungkiran bon dan sukuk korporat.

¹ Pengelasan sektor dibuat berdasarkan Agensi BPAM dan Jabatan Perangkaan Malaysia.


Pelabur asing kekal sebagai penjual bersih pada sebahagian besar tahun 2024

Pelabur asing merupakan penjual bersih di pasaran bon domestik pada separuh pertama tahun 2024 berbanding dengan pada tahun 2023 di mana mereka menjadi pembeli bersih (Carta 5). Hal ini terutamanya disebabkan oleh kebimbangan berkaitan kelemahan ringgit berbanding dengan dolar AS. Menjelang bulan Ogos, pelabur asing beralih menjadi pembeli bersih bon Malaysia, berikutan dorongan petunjuk Fed mengenai kemungkinan pemotongan kadar pada bulan September, yang mengubah perbezaan kadar hasil antara MGS-UST 10 tahun kepada positif. Namun, arah aliran ini tidak bertahan lama, kerana pelabur asing kembali menjadi penjual bersih bermula bulan Oktober sehingga akhir tahun 2024 disebabkan oleh peningkatan kebimbangan mengenai kemungkinan perubahan dalam dasar perdagangan AS di bawah pentadbiran AS yang baharu dan pengukuhan dolar AS.

Pemilikan asing dalam pasaran bon Malaysia menurun sedikit kepada 13.12% pada tahun 2024 daripada 13.45% pada tahun sebelumnya, di bawah purata 10 tahun sebanyak 15.97% (Carta 6). Pelabur asing kebanyakannya memegang MGS (74.37%, 2023: 75.01%), diikuti oleh Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) (18.26%, 2023: 18.76%), bon dan sukuk korporat (5.45%, 2023: 4.82%), serta Bil Perbendaharaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (1.92%, 2023: 1.40%). Analisis lanjut menunjukkan bahawa RM130.78 bilion daripada pemilikan asing dalam bon kerajaan (MGS, GII dan Sukuk Perumahan Kerajaan) merupakan pegangan pelabur jangka pendek. Dalam senario terburuk, jika semua pelabur jangka pendek keluar dari pasaran, tahap pemilikan asing akan menurun kepada sekitar 10.40% (Carta 7). Sama seperti senario pelabur asing bukan strategik dalam ekuiti, penjualan pada nilai sebegini ini dianggap hampir tidak mungkin berlaku, memandangkan aliran keluar tertinggi yang dicatatkan semasa penggal pertama Trump dari bulan September 2016 hingga Mei 2017 hanya menyebabkan aliran keluar bon kerajaan sebanyak RM31.1 bilion daripada pelabur asing.

Pemilikan asing menurun sedikit sebanyak -0.33%, pada masa hadapan aliran masuk mungkin lemah berikutan dolar AS yang semakin kukuh.


CARTA 5
Dagangan asing dalam bon



Sumber: SC.

CARTA 6


Pegangan asing dalam bon ringgit



Sumber: SC.

CARTA 7

Senario jika pelabur asing bukan strategik keluar dari pasaran bon




Sumber: SC.

Swap mungkir kredit berada pada kedudukan yang menguntungkan di peringkat serantau

Malaysia mengekalkan kedudukan yang stabil dan menguntungkan di kalangan negara serantau sepanjang tahun 2024, iaitu berlegar antara 35 dan 50 mata asas, dan kadang-kadang berganti tempat dengan Thailand (Carta 8). Daya saing pasaran swap mungkir kredit (CDS) menekankan asas ekonomi negara dan memberi isyarat risiko kemungkiran yang dilihat lebih rendah. Hal ini seterusnya mencerminkan sentimen positif pelabur terhadap pasaran bon Malaysia dan keyakinan terhadap kelayakan kredit entiti di dalam negara, dengan itu menyumbang kepada kestabilan dan daya tarikan keseluruhan pasaran bagi pelabur.

CARTA 8

Prestasi CDS pasaran pesat membangun Asia



Sumber: Bloomberg.

PENGURUSAN PELABURAN

Saiz aset terus meningkat, disokong oleh penilaian pasaran yang menggalakkan dan suntikan bersih

AUM industri pengurusan pelaburan meneruskan trajektori peningkatan dan mencapai nilai RM1.07 trilion setakat 31 Disember 2024, meningkat daripada RM975.48 bilion pada tahun 2023. Pertumbuhan ini mencerminkan kesan gabungan prestasi yang menggalakkan merentasi pasaran serantau dan domestik bersama dengan suntikan bersih yang sederhana sepanjang tahun. Penilaian pasaran ekuiti yang positif telah meletakkan UTF sebagai salah satu pemacu penting untuk pertumbuhan AUM.

Komposisi sumber AUM juga menunjukkan kestabilan sepanjang tahun. Sumber domestik terus menguasai, menyumbang sebanyak 97.08% daripada jumlah AUM, manakala sumber asing membentuk baki 2.92%.


Antara kategori AUM, UTF kekal sebagai bahagian terbesar AUM pada 51.08%, diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 19.48%, dan Badan Korporat pada 11.41%. Ketiga-tiga kategori ini menyumbang kepada lebih 80.00% daripada jumlah AUM (Carta 1), selaras dengan pemerhatian pada tahun 2023. Sumbangan daripada sumber lain kekal kecil, masing-masing pada peratusan satu angka, hal ini menunjukkan ketekalan dalam struktur sumber AUM.

Meskipun terdapat peningkatan dalam AUM, arah aliran peruntukan aset kekal stabil. Setiap komponen mengalami perubahan kurang daripada 1.00% secara tahunan, kecuali ekuiti yang meningkat +1.58%, hal ini menunjukkan tiada perubahan ketara pada profil risiko AUM.

Industri pengurusan pelaburan terus berkembang, dipacu oleh kenaikan berterusan dalam penilaian pasaran dan suntikan bersih yang sederhana.

Sumber AUM kekal stabil, dengan UTF mengekalkan bahagian terbesar daripada jumlah AUM.

CARTA 1
Sumber AUM



Nota:
Nilai mungkin tidak tepat kerana pembundaran.

Sumber: SC.

Aset domestik menguasai peruntukan AUM


Aset domestik menguasai peruntukan aset AUM berdasarkan geografi dengan sumbangan lebih dua pertiga (67.77%) daripada jumlah AUM (2023: 66.24%), manakala baki 32.23% (2023: 33.76%) diperuntukkan kepada aset asing yang terdiri daripada tujuh kumpulan serantau (Carta 2).

Penurunan meluas merentasi aset asing kecuali beberapa aset tertentu.

Peruntukan aset berdasarkan geografi kekal stabil pada tahun lepas dengan peruntukan kepada aset domestik mencatatkan peningkatan tahunan yang kecil sebanyak 1.53%. Peruntukan aset asing mengalami penurunan sederhana, kecuali beberapa peruntukan aset asing yang mencatatkan kenaikan yang sedikit.

CARTA 2

Pendedahan AUM berdasarkan geografi



Nota:

Nilai mungkin tidak tepat kerana pembundaran.

Sumber: SC.

Pengurusan risiko kecairan yang berhemat

Secara keseluruhan, keadaan kecairan dalam UTF kekal stabil, dengan pegangan agregat tunai dan setara tunai yang terdiri daripada tunai, deposit, dan penempatan pasaran wang. Pegangan ini berada pada sekitar 11.68% daripada NAV sehingga bulan Disember 2024, sejajar dengan keadaan kecairan pada tahun sebelumnya (Disember 2023: 12.34%). Pada paras ini, nisbah perlindungan penebusan yang mengukur kemampuan untuk memenuhi keperluan penebusan, mengisyaratkan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi penebusan. UTF jenis pasaran wang yang biasanya mengalami kadar penebusan yang lebih tinggi disebabkan oleh fungsinya sebagai penyelesaian pengurusan tunai tidak termasuk dalam analisis ini.

Nisbah perlindungan penebusan UTF menunjukkan keadaan kecairan yang mencukupi.

Amalan pengurusan risiko kecairan yang berkesan adalah penting bagi mengurangkan potensi ketidakpadanan antara kecairan aset pendasar dana dan syarat penebusannya.

Bagi menyokong mandat pengawasan risiko sistemiknya, SC menjalankan ujian tekanan keseluruhan secara berkala ke atas semua dana pelaburan¹, merangkumi UTF dan WSF. Pelaksanaan ujian tekanan yang terbaharu sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian *Ujian Tekanan Ke Atas Dana* dalam laporan ini mengesahkan daya tahan dana pelaburan.

Ujian tekanan mengesahkan daya tahan dana pelaburan.


¹ Tertakluk kepada kelayakan.

Peningkatan minat pelabur

Penyumbang utama kepada suntikan bersih AUM adalah jualan bersih yang ketara dalam UTF (Carta 3), menandakan perubahan arah aliran setelah penebusan bersih selama dua tahun berturut-turut. UTF mencatatkan jualan bersih tahunan sebanyak+RM9.69 bilion,² yang didorong terutamanya oleh aliran masuk yang kukuh ke dalam dana aset campuran. Pemulihan jualan yang meluas telah diperhatikan pada permulaan separuh kedua tahun 2024. Hal ini mencerminkan potensi pemulihan minat pelabur, yang berkemungkinan besar diperkukuh oleh keadaan pasaran yang menggalakkan.

Pertumbuhan AUM disokong oleh jualan bersih UTF yang kukuh.

CARTA 3
Jualan bersih kumulatif UTF



Sumber: SC.

² Termasuk pelaburan semula pengagihan.

ASET DIGITAL

Persekitaran yang menggalakkan mendorong mata wang kripto ke paras tertinggi dalam sejarah

Pada awal tahun 2024, kelulusan dana dagangan bursa (ETF) spot Bitcoin AS dan acara penseparuhan¹ Bitcoin yang dinantikan telah mencetuskan gelombang sentimen positif dalam pasaran mata wang kripto. Menjelang bulan April, ETF spot Bitcoin AS memegang lebih daripada AS\$55.1 bilion AUM secara keseluruhan². Pada separuh kedua tahun 2024, mata wang kripto terus meningkat berikutan keputusan pilihan raya presiden AS, disebabkan oleh pendirian presiden baharu AS terhadap mata wang kripto.


Pasaran mata wang kripto disokong oleh penerimaan kripto secara arus perdana dan pentadbiran baharu yang mesra kripto.

Antara mata wang kripto yang mencatatkan prestasi paling cemerlang dan jauh mengatasi mata wang lain adalah mata wang kripto Ripple, XRP (Carta 1). Kenaikan nilai XRP dipacu sebahagiannya oleh jangkaan persekitaran kawal selia yang lebih mesra kripto di bawah pentadbiran baharu. Pelabur XRP melihat kejadian ini sebagai satu kemenangan besar disebabkan potensi kes mahkamah³ Ripple yang berpanjangan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) AS mencapai penyelesaian undang-undang yang memuaskan dalam persekitaran yang lebih mesra kripto.

Berlatarbelakangkan perkembangan global ini, mata wang kripto menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2024, dengan Bitcoin mencapai paras bersejarah setinggi AS\$100,000 buat pertama kalinya pada 4 Disember 2024.

CARTA 1

Prestasi aset digital



Sumber: Bloomberg.

¹ Acara penseparuhan Bitcoin berlaku pada 20 April 2024, yang menyaksikan ganjaran perlombongan blok Bitcoin dipotong separuh daripada 6.25 Bitcoin kepada 3.125 Bitcoin.

² Q1 2024 Crypto Industry Report, CoinGecko, (2024).

³ Pada tahun 2020, SEC AS mendakwa bahawa Ripple mengutip lebih daripada AS\$1.3 bilion pada tahun 2013 dengan menjual XRP kepada pelabur melalui tawaran sekuriti yang tidak berdaftar. Ripple berhujah bahawa XRP tidak seharusnya dianggap sebagai satu sekuriti.

Pencapaian kawal selia yang ketara menghasilkan kepastian lebih tinggi dalam pasaran kripto

Pada tahun 2024, EU telah mencipta duluan dalam pengawalseliaan pasaran kripto melalui pelaksanaan penuh peraturan *Markets in Crypto-Assets* (MiCA) yang telah diwartakan sebagai undang-undang pada tahun 2023. Peraturan menyeluruh bagi penyedia perkhidmatan aset kripto (CASP) ini menghasilkan penyelarasan kawal selia, perlindungan pelabur, dan kestabilan kewangan yang sangat diperlukan dalam pasaran kripto. Antara peraturan berkenaan termasuk mewajibkan bursa berlesen bagi mencegah manipulasi pasaran, dagangan orang dalam, dan melindungi aset pengguna daripada serangan siber dan salah urus kewangan. Peraturan-peraturan ini akan meningkatkan kos pematuhan dan pada masa yang sama mengukuhkan kebolehpercayaan dan kebolehharapan CASP.

Penyelarasan yang lebih meluas dalam pengawalseliaan kripto merentasi bidang kuasa akan mengukuhkan kebolehpercayaan dan kebolehharapan CASP serta mempertingkatkan perlindungan pelabur di peringkat global.

Meskipun MiCA ialah peraturan khusus untuk EU, prinsip-prinsipnya menetapkan asas untuk pertimbangan negara lain semasa merangka keperluan berkaitan aset kripto. Hal ini kemungkinan menghasilkan penyelarasan kawal selia yang lebih meluas antara negara-negara, dan secara keseluruhan mengukuhkan perlindungan pelabur di peringkat global, sekiranya pendekatan yang serupa diamalkan.

Nilai dagangan DAX tempatan kekal kecil berbanding dengan pasaran ekuiti domestik

Di dalam negara, DAX berdaftar mencatat aktiviti dagangan aset digital yang kukuh memandangkan prestasi positif aset yang diperdagangkan. Nilai dagangan harian keseluruhan semua DAX terbesar sebanyak RM300.39 juta dicatatkan pada 3 Disember 2024, serentak dengan hari menjelang Bitcoin mencapai paras bersejarah AS\$100,000 buat pertama kali. Nilai purata dagangan harian keseluruhan semua DAX meningkat dengan ketara sebanyak +155.74% pada tahun 2024, terutamanya disebabkan oleh kegiatan dagangan penghujung tahun. Walau bagaimanapun, nilai dagangan keseluruhan semua DAX kekal kecil sebanyak 1.64% berbanding dengan pasaran ekuiti domestik pada tahun 2024. Sementara itu, Luno kekal menjadi DAX yang dominan di Malaysia dan secara tekal menyumbang lebih daripada 93% daripada nilai dagangan harian keseluruhan setiap hari (Carta 2).

Pasaran aset digital tempatan terus dikuasai pengendali yang sama, namun aktiviti dagangan aset digital keseluruhan kekal kecil jika dibandingkan dengan pasaran ekuiti domestik.


Pada tahun 2024, momentum nilai dagangan DAX tempatan terutamanya dipacu oleh peristiwa pasaran global, iaitu kelulusan ETF spot Bitcoin AS, kejatuhan pasaran global pada bulan Ogos 2024, dan keputusan pilihan raya presiden AS. Hal ini sekali lagi mencerminkan kepekaan daya tarik aset digital terhadap perkembangan global walaupun pedagang dan pelabur berada di Malaysia.

Dari segi nilai pegangan aset digital di semua DAX berdaftar, pertumbuhan keseluruhan pada tahun 2024 adalah tinggi. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh pertumbuhan jumlah pegangan yang tinggi, pengembangan harga aset digital, dan penyenaian aset digital yang baharu di DAX tempatan. Penumpuan nilai pegangan aset digital di seluruh ekosistem adalah tinggi dengan Indeks Herfindahl-Hirschman (HHI) berada pada angka 2,551⁴, terutamanya disebabkan oleh penumpuan tinggi nilai pegangan Bitcoin dan XRP. Walau bagaimanapun, penumpuan pegangan tiga aset digital terbesar (Bitcoin, Ethereum, dan XRP) menunjukkan arah aliran menurun dari tahun ke tahun berikutan penawaran DAX tempatan yang semakin pelbagai dan matang dengan kemunculan penyenaian aset digital baharu.

⁴ Menurut Suruhanjaya Persaingan Malaysia, HHI kurang daripada 1,500 menunjukkan pasaran yang tidak tertumpu (bersaing); antara 1,500 dan 2,500 menunjukkan tahap penumpuan yang sederhana; dan lebih daripada 2,500 menunjukkan pasaran yang sangat tertumpu.

CARTA 2

Nilai dagangan harian Luno



Nota:

* Luno menyumbang sebanyak 98.7% daripada keseluruhan nilai dagangan DAX pada tahun 2024, manakala DAX lain menyumbang secara marginal.

Sumber: SC.


Bukti kesalinghubungan yang lemah dengan pasaran ekuiti tempatan

Korelasi 60 hari bergerak antara prestasi aset digital dan pasaran ekuiti domestik berubah-ubah sepanjang tahun (Carta 3). Hal ini menunjukkan hubungan yang tidak konsisten dan faktor-faktor yang berbeza mempengaruhi kedua-dua pasaran. Yang ketara ialah korelasi meningkat dengan mendadak semasa kejatuhan pasaran pada bulan Ogos 2024, apabila kedua-dua kelas aset mengalami penurunan yang serupa. Selepas itu, korelasi menjadi negatif apabila pergerakan harga Bitcoin semakin dipengaruhi oleh euforia selepas pilihan raya presiden AS, manakala pasaran tempatan dipengaruhi oleh faktor domestik termasuk pertumbuhan KDNK yang positif dan prospek pendapatan sektor perkhidmatan kewangan yang mantap. Oleh itu, kedua-dua pasaran mempunyai kesalinghubungan yang terhad.

Faktor-faktor yang berbeza mempengaruhi aset digital dan pasaran ekuiti domestik.

CARTA 3

Korelasi 60 hari bergerak antara Bitcoin dan indeks tempatan



Sumber: Bloomberg.

Secara keseluruhan, aktiviti dagangan di DAX tempatan kekal stabil dan terus menerima manfaat daripada peristiwa pasaran dunia pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, sebarang perkembangan mudarat dalam pasaran dunia akan mempengaruhi DAX tempatan. Setakat tahun 2024, ruang aset digital kekal kecil berbanding dengan pasaran ekuiti tradisional, dengan kesalinghubungan yang terhad dengan pasaran ekuiti tradisional. Memandangkan hal ini, risiko dalam ruang aset digital kekal terkawal dengan impak sistemik yang terhad kepada pasaran modal domestik.





UJIAN TEKANAN KE ATAS DANA

LATAR BELAKANG

Industri UTF dan WSF, yang secara keseluruhan dirujuk sebagai dana pelaburan, berfungsi sebagai saluran alternatif bagi pelabur runcit dan institusi untuk melabur dalam pasaran modal domestik dan global. Setakat 30 September 2024, jumlah NAV terkumpul bagi dana pelaburan mencapai RM628 bilion, kira-kira satu pertiga daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia. Memastikan ketahanan industri, khususnya keupayaan menguruskan kejutan kecairan, adalah sangat penting.

Dalam konteks ini, SC menjalankan ujian tekanan makro berkala ke atas dana pelaburan untuk mengenal pasti potensi risiko dan kerentanan, serta menilai kecukupan profil kecairan dana pelaburan. Ujian tekanan ini mengenakan kejutan penebusan bersih kepada sampel 1,138 dana di bawah simulasi senario tekanan penebusan yang tinggi dan berterusan berlaku serentak dengan tekanan menurun ke atas harga aset.

PENILAIAN RISIKO KECAIRAN DALAM DANA PELABURAN

Pengurusan risiko kecairan yang berkesan adalah penting bagi dana pelaburan untuk mengurangkan risiko ketidakpadanan antara aset pendasar dana dengan syarat penebusan. Ketidakpadanan sebegini boleh menyebabkan kegagalan dana untuk memenuhi permintaan penebusan sehingga mengakibatkan penjualan aset yang sangat cair. Hal ini, seterusnya, meninggalkan pelabur dengan baki portfolio tertumpu dalam aset tidak cair, dan sekaligus memberikan kesan negatif terhadap profil risiko dana tersebut.

Sejajar dengan kewajipannya untuk memantau, mengurangkan dan mengurus risiko sistemik serta menggalakkan kestabilan pasaran modal, SC melaksanakan ujian tekanan makro ke atas dana pelaburan. Ujian ini menilai keupayaan dana pelaburan untuk memenuhi penebusan dalam keadaan pasaran yang tertekan mahupun stabil. Dengan anggaran sebanyak 13.13% daripada NAV dana pelaburan diperuntukkan dalam saham komponen FBMKLCI, jualan besar-besaran oleh dana pelaburan boleh menimbulkan risiko limpahan kepada indeks penanda aras. Untuk mengkaji keadaan ini, SC juga menilai kesan penularan risiko antara dana pelaburan dengan indeks penanda aras.


SENARIO DAN METODOLOGI

Ujian tekanan makro mensimulasi kejutan penebusan yang teruk tetapi munasabah untuk menilai daya tahan dana pelaburan. Simulasi ini merangkumi tiga senario yang mencerminkan pelbagai tahap tekanan penebusan, iaitu senario ringan, sederhana, dan ekstrim (Rajah 1).

Untuk menentukan kejutan penebusan yang teruk, model ini merangkumi dua unsur mudarat. Unsur pertama mewakili tekanan penebusan bersih sehari terburuk yang diperoleh daripada data sejarah penebusan. Unsur kedua mensimulasi keadaan seolah-olah serbuan, di mana tekanan penebusan akan kekal pada tahap tinggi untuk satu tempoh tertentu sebelum keadaan kembali normal secara beransur-ansur¹.

RAJAH 1

Senario ujian tekanan berdasarkan penebusan dana pelaburan



Sumber: SC.

¹ Tempoh yang ditetapkan adalah selaras dengan tempoh pembayaran penebusan yang ditetapkan dalam *Garis Panduan UTF* SC dan bertujuan mengambilkira permintaan penebusan tambahan oleh pemegang unit yang mungkin berlaku sebelum pembayaran penebusan awal.

Bagi setiap senario, ujian tekanan makro mengandaikan bahawa pelabur akan berkelakuan gerombolan semasa tempoh tekanan. Kelakuan ini akan menghasilkan tekanan penebusan yang tinggi dan berterusan. Setiap dana pelaburan juga diandaikan mengekalkan penimbal kecairan sekurang-kurangnya 10% dalam semua kelas aset. Dana yang tidak dapat memenuhi ambang ini dikelaskan sebagai dana yang tidak cair. Untuk memastikan penilaian ke atas dana pelaburan tidak melibatkan campur tangan pihak luar, ujian tekanan mengandaikan bahawa pengawal selia mahupun pemegang amanah tidak akan campur tangan untuk mengekalkan daya tahan dana pelaburan semasa tempoh tekanan.


Ujian tekanan menggunakan data peringkat dana untuk membuat analisis kepekaan bawah ke atas:

- Dari segi liabiliti, model ini mensimulasi tekanan penebusan yang tinggi dan berterusan untuk meniru peristiwa seolah-olah serbuan ke atas setiap dana.²
- Dari segi aset, model menentukan pencairan kelas aset tertentu pada nilai bawah nilai saksama untuk mencerminkan risiko pasaran yang meningkat semasa tempoh tekanan.

Terdapat dua strategi pencairan aset yang dipertimbangkan. Pendekatan '*horizontal slicing*' atau '*waterfall*' melibatkan pencairan secara berperingkat, bermula dengan aset yang paling cair sebelum beralih kepada aset yang kurang cair. Sebaliknya, pendekatan '*vertical slicing*' melibatkan pencairan berkadar merentasi semua aset portfolio untuk mengekalkan struktur portfolio asal. Pilihan strategi pencairan mempengaruhi keputusan ujian tekanan. Di bawah pendekatan '*horizontal slicing*', terdapat peningkatan risiko bagi kelebihan penggerak pertama, di mana pelabur yang selebihnya akan mewarisi dana yang secara ketaranya kurang cair³. Hal ini berpotensi memburukkan keadaan seolah-olah serbuan. Berdasarkan pertimbangan ini, ujian tekanan makro menggunakan pendekatan '*horizontal slicing*' sebagai strategi pencairan utama. Rajah 2 menggambarkan secara terperinci urutan pencairan mengikut kelas aset.

RAJAH 2

Strategi pencairan aset berdasarkan pendekatan '*horizontal slicing*'



Sumber: SC.

² Asset Managers and Financial Instability: Evidence of Run Behavior and Run Incentives in Corporate Bond Funds, Harvard Kennedy School, (2015).

³ Simulating stress across the financial system: The resilience of corporate bond markets and the role of investment funds, Bank of England, (2017).


DANA PELABURAN TERTAKLUK KEPADA UJIAN TEKATAN

Setakat 30 September 2024, sebanyak 1,138¹ dana pelaburan dengan NAV terkumpul RM622.94 bilion telah diuji. Pengelasan mengikut jenis dana menunjukkan bahawa sebahagian besar dana pelaburan terdiri daripada dana aset campuran, diikuti oleh dana ekuiti serta dana bon dan sukuk. Dari segi kelas aset, dana pelaburan kebanyakannya memperuntukkan aset dalam ekuiti (51.27%), tunai dan setara tunai (21.90%) serta bon dan sukuk korporat (14.10%). Sementara itu, skim pelaburan kolektif (CIS), sekuriti kerajaan dan lain-lain pelaburan membentuk baki sebanyak 12.44% daripada peruntukan (Carta 1). Tunai dan setara tunai, ekuiti domestik, dan sekuriti kerajaan dianggap sebagai komponen utama peruntukan aset keseluruhan kerana ia secara berkumpulan membentuk lebih separuh daripada jumlah NAV dana pelaburan dan mewakili penggunaan tertinggi di bawah strategi pencairan ujian tekanan.

Analisis merentasi saiz dana menunjukkan agihan pegangan pasaran yang tertumpu dalam industri dana pelaburan. Dari segi bilangan dana, 0.70% daripada dana yang diuji menyumbang sebanyak 46.86% daripada jumlah NAV dan setiap dana ini mempunyai aset melebihi RM10 bilion. Sementara itu, sebahagian besar dana iaitu sekitar 55.62% daripada bilangan dana, mempunyai portfolio dengan NAV di bawah RM100 juta, mewakili 3.13% daripada jumlah NAV. Baki selebihnya iaitu sebanyak 43.67% daripada dana yang diuji pula mewakili hampir 50.00% daripada baki jumlah NAV (Carta 2).

CARTA 1


Peruntukan aset dana pelaburan



Sumber: SC.

CARTA 2

Taburan saiz dana pelaburan




Sumber: SC.

¹ Tidak termasuk dana dengan NAV sifar, dana tanpa aset boleh labur dan dana yang melabur terutamanya dalam aset hartanah.

Analisis terperinci ke atas tunai dan setara tunai mendedahkan bahawa kebanyakan pegangan adalah dalam bentuk deposit. Tiga kumpulan perbankan domestik utama menyumbang lebih daripada separuh daripada jumlah pegangan. Dengan skor HHI sebanyak 1,604, terdapat tahap penumpuan yang sederhana dalam deposit dan aktiviti penempatan bagi setiap kumpulan perbankan domestik (Carta 3).

CARTA 3
Pegangan tunai dan setara tunai oleh kumpulan perbankan domestik




Sumber: SC.

PENDEDAHAN EKUITI

Penilaian keseluruhan bagi kelas aset ekuiti menunjukkan bahawa 65.16% daripada NAV ekuiti telah diperuntukkan di dalam negara. Manakala, kebanyakan peruntukan asing terletak di AS (7.47%), diikuti oleh Indonesia (4.82%), dan China (4.71%), dengan jumlah keseluruhan sebanyak 17.00% (Carta 4).

Pegangan dalam ekuiti domestik sebanyak 34.71% adalah dalam sektor kewangan, diikuti oleh barangan asas pengguna sebanyak 13.75% dan industri sebanyak 10.80%. Terdapat penumpuan yang ketara dalam lima sektor terbesar, merangkumi lebih daripada 76% pegangan ekuiti domestik. Skor HHI sebanyak 1,807 menunjukkan bahawa tahap penumpuan sektor dalam kelas aset yang merangkumi 11 sektor yang berbeza ini adalah sederhana (Carta 5).


CARTA 4
Pegangan ekuiti mengikut negara berisiko



Sumber: SC.

CARTA 5

Pegangan dalam ekuiti domestik mengikut sektor



Sumber: SC.

PENDEDAHAN BON DAN SUKUK


Analisis pegangan bon dan sukuk² mengikut negara menunjukkan bahawa Malaysia (93.93%) mempunyai pegangan terbesar, diikuti oleh Indonesia (1.73%), Australia (0.57%), Singapura (0.37%) dan United Kingdom (0.35%) (Carta 6). Dari segi jenis sekuriti, dana pelaburan mempunyai peruntukan yang ketara lebih banyak dalam bon dan sukuk korporat berbanding dengan sekuriti kerajaan pada nisbah 80:20.

Bon dan sukuk korporat dalam ringgit yang dinilai sebagai 'AA' mencatatkan pegangan terbesar iaitu sebanyak 51.81% daripada jumlah pegangan bon dan sukuk korporat. Hal ini mencerminkan keutamaan yang ketara terhadap sekuriti di bawah kategori tersebut. Seterusnya, bon dan sukuk yang dinilai sebagai 'AAA' mewakili 27.83% daripada portfolio, menunjukkan pelaburan dalam tahap kelayakan kredit tertinggi. Sementara itu, bon dan sukuk yang dinilai sebagai 'A' menyumbang 8.62% daripada jumlah pegangan. Pecahan peruntukan ini menunjukkan tahap kepelbagaian yang sederhana dalam kategori gred pelaburan. Bon dan sukuk korporat bukan dalam ringgit pula terdiri terutamanya daripada bon dan sukuk yang dinilai sebagai 'BBB' sebanyak 35.51%, diikuti oleh 'A' sebanyak 22.66% dan 'BB' sebanyak 6.79% (Carta 7). Secara keseluruhannya, kebanyakan pegangan dalam bon dan sukuk korporat dalam ringgit dan bon dan sukuk korporat bukan dalam ringgit adalah dalam bon gred pelaburan³.

Dari segi sektor, pegangan dalam bon dan sukuk korporat dalam ringgit sebanyak 43.44% adalah dalam sektor kewangan, diikuti oleh utiliti sebanyak 16.29% dan industri sebanyak 15.69%. Skor HHI sebanyak 2,439 menunjukkan bahawa tahap penumpuan sektor dalam kelas aset yang merangkumi 13 sektor berbeza ini adalah sederhana (Carta 8).

CARTA 6

Pegangan dalam bon dan sukuk mengikut negara berisiko




Sumber: SC.

² Bon dan sukuk korporat dan sekuriti kerajaan.


³ Penarafan gred pelaburan merujuk kepada penarafan BBB- dan ke atas.

CARTA 7
Penarafan kredit untuk bon dan sukuk dalam ringgit dan bukan ringgit



Nota:
* Penarafan 'Lain-lain' terdiri daripada bon dan sukuk yang dinilai sebagai B dan ke bawah, penarafan jangka pendek dan penarafan yang tidak ditakrifkan oleh syarikat pengurusan dana.
Sumber: SC.

CARTA 8
Pegangan bon dan sukuk korporat dalam ringgit mengikut sektor



Sumber: SC.

KEPUTUSAN UJIAN TEKANAN

Keputusan ujian menunjukkan bahawa dana pelaburan dijangka mencairkan sejumlah 44.22% daripada aset portfolio untuk memenuhi tekanan penebusan di bawah senario ekstrim. Tambahan, penampakan kecairan juga tidak digunakan dalam mana-mana senario. Hal ini menggambarkan kekukuhan struktur portfolio yang sedia ada dalam menyediakan kecairan yang mencukupi. Penemuan ini menunjukkan daya tahan dana pelaburan dalam menghadapi kejutan penebusan, walaupun dalam konteks kemerosotan harga aset.

Selaras dengan pendekatan 'horizontal slicing', pencairan aset kebanyakannya tertumpu dalam aset yang sangat cair. Apabila dibandingkan jumlah pegangan setiap kelas aset, tunai dan setara tunai serta sekuriti kerajaan masing-masing dicairkan sebanyak 62.01% dan 70.28%. Ekuiti mengalami pencairan sederhana sebanyak 44.34%. Sementara itu, CIS serta bon dan sukuk korporat masing-masing dicairkan sebanyak 28.17% dan 19.79%. Hal ini mencerminkan kecairan yang lebih rendah berbanding kelas aset yang lain.

POTENSI PENULARAN RISIKO

Dana pelaburan mewakili 13.13% daripada saham komponen FBMKLCI, maka sebarang penjualan berskala besar oleh pengurus dana boleh memberikan kesan buruk kepada pasaran ekuiti. Dalam penilaian kesan harga untuk satu hari, ujian tekanan makro dalam senario ekstrim mensimulasikan jumlah penjualan merentasi semua kaunter FBMKLCI adalah sebanyak RM6.04 bilion oleh dana pelaburan. Nilai ini hampir dua kali ganda nilai purata dagangan harian pada tahun 2024¹. Tekanan jualan sebesar ini, terutamanya melibatkan saham yang tidak cair, boleh memberi kesan yang ketara ke atas harga. Terdapat dua faktor yang akan mempengaruhi tahap kesan harga iaitu jumlah penjualan dan ketidakcairan aset pendasar². Berdasarkan anggaran SC, penjualan pada skala ini akan memberikan impak yang kecil ke atas FBMKLCI. Penurunan sebanyak 2.76% kepada 1,603.40 mata, iaitu 45.51 mata di bawah paras penutup sebenar indeks pada 30 September 2024 dijangka berlaku. Analisis merentasi indeks menunjukkan bahawa kebanyakan kaunter akan mengalami kesan yang sederhana dan hanya satu kaunter menghadapi kemerosotan harga yang ketara. Walau bagaimanapun, kemerosotan keseluruhan kekal pada tahap yang boleh diterima kerana ia masih berada di bawah titik pemicu pemutus litar tahap pertama³ yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities.

KESIMPULAN

Keputusan ujian tekanan menunjukkan bahawa semua dana pelaburan yang diuji tetap berdaya tahan menghadapi kejutan penebusan. Meskipun dalam senario ekstrim, dana pelaburan hanya perlu mencairkan sebanyak 44.22% daripada keseluruhan NAV. Profil kecairan dana pelaburan adalah cukup teguh untuk mengharungi tempoh penebusan besar yang berterusan tanpa kesan ketara ke atas penampakan kecairan. Penilaian risiko limpahan menunjukkan bahawa jualan oleh dana pelaburan dalam senario ekstrim akan mengakibatkan penurunan yang sederhana sebanyak 2.76% dalam FBMKLCI, jauh di bawah paras pencetus litar tahap pertama.

¹ Bursa Malaysia mencatatkan nilai purata dagangan harian sebanyak RM3.44 bilion pada tahun 2024.

² *Simulasi tekanan untuk dana pelaburan*, Pihak Berkuasa Sekuriti dan Pasaran Eropah, (2019).

³ Pemicu pemutus litar "Tahap 1" yang ditetapkan Bursa Malaysia adalah pada -10%.



**TINJAUAN TEMATIK
SEGMENT PASARAN
MODAL – DAYA
TAHAN TEKNOLOGI:
KEPENTINGAN
MENGURUS RISIKO
SIBER DAN TEKNOLOGI**


LATAR BELAKANG

Tahun 2024 menyaksikan perubahan berterusan dalam pasaran modal yang dipacu oleh kemajuan teknologi. Kebangkitan teknologi kewangan telah memperkenalkan penyelesaian seperti penasihat robo, pelantar berasaskan blok rantai, dan sistem dagangan yang didorong oleh AI yang menjadikan perkhidmatan kewangan lebih mudah dicapai dan cekap. Teknologi blok rantai telah menghasilkan tahap keselamatan, ketelusan, dan kecekapan yang baharu dalam urusaniaga, khususnya dengan mata wang kripto, dengan kesan yang berbeza bergantung kepada pelaksanaan. Sementara itu, AI juga digunakan untuk pengesanan penipuan dan analisis ramalan, lantas membantu institusi memenuhi keperluan pelanggan mereka dengan lebih baik.

Walau bagaimanapun, teknologi baharu ini juga membawa cabaran, terutamanya dalam menguruskan risiko keselamatan siber dan teknologi dengan matlamat akhir untuk memastikan daya tahan teknologi. Pemerhatian global menunjukkan bahawa industri kewangan terus menjadi antara sektor yang paling kerap disasarkan dalam laporan insiden siber (Carta 1).

CARTA 1

Insiden siber global terbanyak mengikut industri (Januari – September 2024)




Sumber: OSINT; Hackmaggedon.

Di Malaysia, kes penipuan terus mendominasi ekosistem. Hal ini menekankan keperluan bagi meningkatkan kewaspadaan terhadap kumpulan dan individu yang mencurigakan bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan. Insiden lain yang sering diperhatikan termasuk cubaan pencerobohan dan serangan kod hasad. Pemerhatian ini menunjukkan ancaman yang berterusan dan sentiasa berkembang (Carta 2).

CARTA 2

Insiden siber yang dilaporkan di Malaysia pada tahun 2024



Sumber: CyberSecurity Malaysia (CSM).


CME perlu memahami jangkaan SC dalam mengurus risiko siber dan teknologi. SC menekankan kepentingan daya tahan, di mana entiti hendaklah mampu mengekalkan operasi kritikal walaupun semasa berlaku insiden siber. Hal ini melibatkan pelaksanaan pelan tindak balas insiden yang jelas dan memastikan semua pekerja terlatih dan menyedari peranan mereka dalam mengekalkan keselamatan siber.

Pelantar *SC Vault* adalah sistem pengurusan kes yang direka untuk CME melaporkan insiden teknologi dan siber. Ia juga membolehkan SC menerbitkan nasihat dan amaran kepada CME apabila diperlukan. Dengan pelaksanaan *Guidelines on Technology Risk Management (GTRM)* (*Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi*) yang baharu, CME dikehendaki melaporkan insiden berkaitan teknologi melalui pelantar *SC Vault* sebaik sahaja kes dikesan. Insiden berkaitan teknologi dilihat memberi kesan kepada operasi perniagaan sepertimana insiden siber. Berikutan infrastruktur operasi yang semakin terpusat, CME berdepan pelbagai risiko siber dan teknologi yang meluas.

Sebelum pelaksanaan GTRM, CME hanya dikehendaki melaporkan insiden siber. Dengan penguatkuasaan GTRM pada 19 Ogos 2024, CME dikehendaki memaklumkan kepada SC mengenai insiden teknologi dan juga siber. Keperluan ini telah mengakibatkan peningkatan enam kali ganda dalam insiden yang dilaporkan pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

STATISTIK DAN PEMERHATIAN SC VAULT

CARTA 3
Pemakluman insiden mengikut pengelasan pada 2024




Sumber: SC.

81% daripada insiden yang dilaporkan pada tahun 2024 adalah berkaitan teknologi (Carta 3). Hal ini menekankan kepentingan mengekalkan persekitaran teknologi yang teguh. **19%** daripada insiden ini disebabkan oleh gangguan global berpunca dari CrowdStrike.

3% daripada insiden siber yang dilaporkan telah dikategorikan sebagai kesan tinggi.

CARTA 4
Pemakluman peristiwa mengikut pengelasan pada 2024




Sumber: SC.

Near Miss merujuk kepada satu kejadian di mana ancaman berpotensi tinggi dikesan dan diatasi sebelum ia menyebabkan sebarang kerosakan yang ketara. *Technology Near Miss* menyumbang **60%** daripada jumlah peristiwa yang dilaporkan, mencerminkan peranan penting pengurusan risiko yang proaktif, manakala *Cyber Near Miss* menyumbang baki **40%**, menekankan cabaran berterusan dalam melindungi persekitaran teknologi (Carta 4).

Analisis lanjut menunjukkan bahawa kebanyakan insiden teknologi berpunca daripada kegagalan perkakasan dan perisian (Carta 5). Insiden-insiden ini jelas dipengaruhi oleh gangguan global *CrowdStrike*, hal ini menekankan peranan penting penyedia perkhidmatan pihak ketiga dalam mengekalkan daya tahan perkhidmatan digital, serta peranannya dalam mengakibatkan kesan limpahan yang ketara terhadap industri. Pasaran modal Malaysia mengalami kesan minimal kerana gangguan tersebut hanya menjejaskan sebilangan kecil CME.

CARTA 5

Kategori insiden teknologi pada tahun 2024




Sumber: SC.

Pada masa yang sama, terdapat peningkatan dalam peristiwa berkaitan siber berbanding dengan tahun 2023 (Carta 6). Antara kes-kes penting melibatkan serangan perisian hasad, perisian tebusan, dan kebocoran data. Insiden-insiden ini berkait rapat dengan amalan kebersihan siber yang tidak memadai, menekankan keperluan bagi CME untuk menerima langkah-langkah keselamatan siber yang lebih ketat dan sejajar dengan amalan terbaik industri untuk segera mengurangkan risiko tersebut.

CARTA 6

Perbandingan tahun 2023 dan 2024 bagi kategori insiden siber dan *cyber near miss*




Sumber: SC.

Insiden siber boleh membawa kesan ketara kepada organisasi (Carta 7). Pemerhatian menunjukkan bahawa 11% daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2024 mengakibatkan gangguan besar kepada operasi perniagaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan penting. Selain itu, 3% daripada insiden yang dilaporkan mengakibatkan kehilangan besar data yang menjejaskan kerahsiaan, manakala 3% lagi memberi kesan kewangan yang besar terhadap CME yang terbabit.

Analisis menunjukkan terdapat ruang penambahbaikan bagi meningkatkan kemampuan pengurusan risiko oleh CME berikutan perubahan teknologi yang bergerak pantas. SC mengesyorkan CME untuk menguatkan daya tahan siber, melaksanakan strategi pengurusan risiko yang proaktif, dan membudayakan semangat kesiapsiagaan untuk menangani dengan berkesan risiko siber yang berkembang.

CARTA 7
Analisis kesan insiden bagi insiden teknologi dan siber pada tahun 2024



Sumber: SC.

PEMERHATIAN DALAM RISIKO PENYELIAAN TEKNOLOGI

SC melaksanakan penilaian risiko penyeliaan yang berterusan terhadap pelbagai CME, dengan tumpuan pada bidang teknologi untuk memastikan pematuhan dan kesiapsiagaan dalam menguruskan risiko siber dan teknologi serta melaksanakan kawalan teknologi yang berkaitan. Penilaian risiko penyeliaan teknologi menunjukkan bahawa CME menunjukkan kelemahan dalam bidang berikut–

- i) penetapan dasar dan tatacara yang teguh dan jelas;
- ii) pemahaman yang menyeluruh tentang tahap penerimaan risiko organisasi; dan
- iii) ketidakpatuhan kepada dasar dan tatacara dalaman.

Dalam menangani kelemahan-kelemahan ini, CME hendaklah menambah baik–



i. Penilaian keselamatan siber

Penyelesaian isu keselamatan yang segera mampu meningkatkan daya tahan keseluruhan. CME boleh menambahbaik amalan penilaian siber mereka dengan menambah kekerapan penilaian berkala untuk menguatkan pertahanan terhadap ancaman yang timbul. Hal ini menyoroti penekanan SC terhadap penajajaran keperluan dasar dalaman.



ii. Pengurusan penyedia perkhidmatan pihak ketiga

CME boleh mempertingkatkan pengurusan penyedia perkhidmatan pihak ketiga entiti dengan menetapkan dasar yang jelas, melaksanakan tatacara yang tersusun, dan menjalankan penilaian secara berkala. Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu mengurangkan risiko tetapi juga memastikan mutu perkhidmatan yang tekal dan pematuhan piawaian keselamatan. CME juga perlu memiliki pengaturan kesinambungan perniagaan yang kukuh kerana kegagalan penyedia perkhidmatan pihak ketiga boleh menyebabkan gangguan kepada operasi perniagaan utama. Gangguan ini boleh mengakibatkan kerugian kewangan.



iii. Audit teknologi

Pelaksanaan audit teknologi yang lengkap sangat penting bagi memastikan pematuhan kawal selia, mempertingkatkan keselamatan data, dan mengekalkan kecekapan operasi. CME digalakkan untuk meningkatkan kedalaman, kekerapan, dan jajaran audit ini berdasarkan penerimaan risikonya. Pendekatan ini membantu mengelakkan kelemahan ruang lingkup penilaian yang sempit dan penilaian yang kurang kerap, sekaligus mengenal pasti dan menangani kerenggangan genting dengan berkesan.



iv. Pengurusan risiko teknologi

Pengurusan risiko teknologi berfungsi sebagai langkah perlindungan yang penting terhadap ancaman siber dan gangguan operasi. Walau bagaimanapun, CME perlu menambahbaik pelaksanaan kerangka pengurusan risiko teknologi yang kukuh. Dengan strategi ini, organisasi dapat mengurangkan dengan ketara kerentanan terhadap kerugian kewangan dan kerosakan reputasi.



v. Kebersihan siber

Kebersihan siber yang teguh adalah penting untuk perlindungan terhadap ancaman siber. Kebersihan siber boleh dicapai melalui langkah-langkah seperti latihan keselamatan siber secara berkala untuk pekerja, kawalan akses yang ketat, dan kemas kini keselamatan tepat pada masanya. Langkah tersebut mampu mempertingkatkan persediaan keselamatan dalam organisasi. Meskipun kerengganan masih wujud dalam ruang ini, CME perlu mengutamakan peningkatan amalan kebersihan siber untuk melindungi operasi dan reputasi.

PEMBINAAN KEUPAYAAN DAN KESEDARAN CME

Pembangunan keupayaan dan kesedaran yang berterusan penting untuk membina pemahaman yang lebih mendalam tentang ancaman siber semasa dan juga untuk kemampuan CME bertindak balas dengan berkesan terhadap insiden. Dalam hal ini, SC sentiasa menjalankan kegiatan berikut untuk menggalakkan pasaran modal yang berdaya tahan dari segi teknologi—

a. Simulasi Siber Pasaran Modal (CMCS)

Sepanjang tujuh tahun yang lepas, SC dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Negara dan CSM, telah mengambil langkah untuk mengukuhkan daya tahan pasaran modal Malaysia melalui CMCS. Latihan simulasi siber ini telah terbukti bernilai dalam membantu peserta mematuhi keperluan kawal selia dan juga dalam meningkatkan kemampuan mereka untuk menjangka dan bertindak balas terhadap ancaman siber dengan berkesan.

SC telah menyaksikan peningkatan prestasi peserta yang berterusan sejak beberapa tahun. Peserta telah menunjukkan pemahaman terhadap dasar yang lebih baik, dan juga pematuhan peraturan dan teknikal yang lebih baik. Melihat pada tahun 2025, SC mensasarkan untuk memperkukuhkan lagi CMCS bagi memberi panduan lebih jelas kepada CME tentang tindakan penting yang perlu diambil semasa fasa tindak balas dan pemulihan sesebuah insiden. Kadar penyertaan telah bertambah sebanyak sekurang-kurangnya 5% untuk CMCS yang akan datang, mencerminkan pertambahan bilangan CME yang menerimapakai pendigitalan dalam operasi mereka.

b. Libat Urus Industri

SC menubuhkan Kumpulan Kerja Risiko Siber (CRWG) pertamanya pada tahun 2017, dengan tujuan mengukuhkan kesiapsiagaan industri pasaran modal dalam menghadapi cabaran berkaitan risiko siber. Mengambil kira kepesatan kemajuan teknologi, SC telah mengambil inisiatif untuk memperluaskan tumpuannya untuk merangkumi risiko berkaitan teknologi secara lebih meluas. Pada tahun 2024, CRWG telah digantikan dengan dua inisiatif baharu—

- i. Libat Urus C-Suite, dan
- ii. Webinar Teknologi dan Siber. Semua inisiatif ini bertujuan mengukuhkan penglibatan kepimpinan dalam mengurus risiko teknologi dan siber, serta menggalakkan pemahaman yang lebih luas tentang risiko teknologi.

KESIMPULAN

Pada tahun 2024, pasaran modal telah menerima manfaat dan mengharungi cabaran berkaitan kebergantungan teknologi. Penilaian SC menyoroti kekurangan utama semasa dalam kerangka dasar dan pengurusan risiko CME dan menekankan keperluan pengawalan yang lebih kukuh serta pengurangan risiko secara proaktif. Pengesyoran SC untuk menambahbaik amalan keselamatan siber, pengurusan pihak ketiga, dan risiko teknologi adalah kritikal dalam menangani semua cabaran ini. Kehadapan, pembangunan keupayaan yang berterusan dan libat urus industri akan dianjurkan untuk melengkapi CME supaya lebih bersedia dalam menghadapi risiko teknologi dan siber yang semakin berkembang, dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan dan keselamatan pasaran modal.

AKRONIM DAN SINGKATAN

AI	kecerdasan buatan
AS	Amerika Syarikat
ANC	modal bersih terlaras
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
AUM	aset bawah pengurusan
BMDC	Bursa Malaysia Derivatives Clearing
BPAM	Bond Pricing Agency Malaysia
CAR	nisbah kecukupan modal
CASP	penyedia perkhidmatan aset kripto
CBOE	<i>Chicago Board Options Exchange</i>
CDS	swap mungkir kredit
CIS	skim pelaburan kolektif
CMCS	Simulasi Siber Pasaran Modal
CME	entiti pasaran modal
CPO	minyak sawit mentah
CRWG	Kumpulan Kerja Risiko Siber
CSM	<i>CyberSecurity Malaysia</i>
DAX	bursa aset digital
DBC	syarikat broker derivatif
DCE	Perdagangan Komoditi Dalian
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETD	derivatif pertukaran dagangan
ETF	dana dagangan bursa
EU	Kesatuan Eropah
FBMKLCI	FTSE Bursa Malaysia KLCI
FCPO	Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah
Fed	Rizab Persekutuan
FKLI	Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI
FSOY	Niaga Hadapan Minyak Kacang Soya Bursa Malaysia DCE
KDNK	keluaran dalam negara kasar
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GTRM	Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi
HHI	Indeks Herfindahl-Hirschman
IB	bank pelaburan
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MiCA	<i>Markets in Crypto-Assets</i>
NAV	nilai aset bersih
NDC	Sumbangan ditentukan negara
NSRF	Rangka Kerja Pelaporan Kemampunan Kebangsaan
OPR	kadar dasar semalaman
PLC	syarikat awam tersenarai
RWCR	nisbah modal berwajaran risiko
SBC	syarikat broker saham
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

SEC	Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa
SPX	Indeks S&P 500
UST	Perbendaharaan AS
UTF	dana unit amanah
WSF	dana borong

SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 2025

3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel +603 6204 8000
Faksimili +603 6201 5078
Emel cau@seccom.com.my
Laman web www.sc.com.my | www.investsmartsc.my
 @SecComMalaysia